

BAB
KETIGA

BAB KETIGA:
KONSEP HUKUMAN DAN PEMULIHAN PESALAH JUVENIL
DI MALAYSIA

3.0: Pendahuluan

Lazimnya setiap pesalah akan menerima akibat daripada kesalahan yang dilakukan, iaitu menerima hukuman yang ditetapkan ke atasnya. Perbincangan dalam bab ini akan menyentuh mengenai konsep hukuman dan pemulihan pesalah juvenil menurut undang-undang, bentuk-bentuk hukuman ke atas mereka daripada pelbagai aspek seperti peruntukan di dalam Akta Mahkamah Juvana 1947, hukuman yang pernah diputuskan di mahkamah dan hukuman yang lazimnya diputuskan khusus kepada juvenil yang melakukan kesalahan jenayah. Bab ini juga menyentuh tentang beberapa perkara yang diambil kira pada seseorang juvenil yang didapati bersalah oleh mahkamah sebelum sesuatu hukuman dikenakan ke atas mereka.

3.1: Konsep Hukuman Dan Pemulihan Pesalah Menurut Undang-undang

Umumnya, setiap hukuman bagi setiap kesalahan yang diperuntukkan oleh undang-undang dalam sesebuah negara bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang baik, patuh kepada undang-undang, dan sekaligus dapat mengurangkan kadar kesalahan jenayah dalam negara tersebut. Setiap hukuman yang dikenakan ke atas setiap pesalah, tidak kira pesalah itu seorang juvenil atau dewasa, lazimnya didasarkan kepada empat prinsip atau tujuan, iaitu pembalasan, pencegahan, ketidakupayaan dan pemulihan.¹

Pembalasan (*retribution*) adalah merujuk kepada suatu perbuatan atau tindakan yang dibenarkan oleh undang-undang, dan ia biasanya dilakukan oleh pihak berkuasa dalam sesebuah negeri ke atas pesalah. Pada mulanya, undang-undang Inggeris memperakui hukuman berbentuk pembalasan ini diserahkan kepada mangsa atau waris mereka untuk dijalankan ke atas pesalah, dengan syarat ianya mestilah pada kadar yang sama dengan kesalahan yang telah dilakukan. Bagaimanapun, keizinan tersebut telah ditarik balik memandangkan wujudnya salahguna kuasa membalas yang dikenakan oleh mangsa atau waris mereka ke atas pesalah.²

Konsep pembalasan ini adalah berlandaskan kepercayaan bahawa pesalah mesti dihukum sewajar dengan kesalahan yang dilakukan. Dalam konsep ini, terdapat konsep moden yang memperuntukkan 'hanya balasan' (*just deserts*), yang menekankan bahawa setiap orang harus dihukum hanya jika mereka telah melakukan kesalahan. Ini berdasarkan pandangan bahawa seseorang tidak wajar dihukum atas sebab-sebab lain, selain sebab ia telah melakukan kesalahan, contohnya seperti menghukum dengan tujuan membaiki sikap seseorang, atau menghukum dengan tujuan mencegah orang lain dari melakukan kesalahan yang sama.³

Pencegahan (*deterrence*) pula adalah merujuk kepada tanggapan bahawa setiap tabiat atau kelakuan seseorang umumnya adalah rasional, dan ini bererti bahawa tabiat untuk melakukan perbuatan jenayah sebenarnya boleh dicegah sekiranya seseorang takut kepada hukuman. Hukuman ke atas pesalah tertentu atau pencegahan tertentu adalah melibatkan penahanan secara fizikal atau berbentuk ketidakupayaan (*incapacitation*) seperti pemenjaraan atau hukuman bunuh. Ia mengandaikan bahawa setiap orang boleh dihalang dari terlibat dalam sebarang tindakan jenayah. Oleh yang demikian, menurut konsep pencegahan ini, adalah tidak wajar untuk mengudungkan tangan seseorang bagi mencegah jenayah kecurian disebabkan hukuman yang dikenakan ke atas

seseorang pesalah dapat menghalang orang lain dari melakukan kesalahan jenayah yang sama.⁴

Ketidakupayaan (*incapacitation*) telah digunakan secara literal dalam sesetengah masyarakat masa dahulu, umpamanya pencuri dipotong tangan bagi mengelakkan mereka terus mencuri dan pesalah seksual dikasi kemaluan mereka. Namun pada hari ini, konsep ketidakupayaan ini hanya digunakan dalam bentuk memenjarakan pesalah, iaitu mengurung dan mengasingkan mereka di suatu tempat. Secara teorinya, tindakan pemenjaraan ini akan menyukarkan pesalah untuk terus memudaratkan orang lain, tetapi sebaliknya, tindakan pemenjaraan ini juga boleh menyebabkan jenayah dilakukan ke atas tahanan lain. Sebagai klimaksnya, pesalah tadi boleh dihukum bunuh oleh pihak berkuasa, iaitu sebagai satu bentuk ketidakupayaan yang paling ekstrim (*the extreme form of incapacitation*).⁵

Pemulihan (*reformation/rehabilitation*) melihat kepada perbuatan jenayah sebagai satu penyakit sosial yang boleh disembuhkan. Menurut konsep ini, sesuatu hukuman yang dikenakan bertujuan untuk memulihkan pesalah, seterusnya mendorong mereka melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bersifat jenayah dalam kehidupan mereka kemudiannya. Konsep pemulihan

mempercayai bahawa seseorang pesalah jenayah boleh berubah menjadi baik dengan mendapatkan rawatan-rawatan yang sewajarnya⁶. Walaupun matlamat ini agak sama dengan matlamat umum dalam pencegahan, namun bezanya, hukuman berbentuk pencegahan bukan bertujuan untuk mengubah sikap seseorang, sebaliknya hanya untuk menghentikan mereka dari meneruskan sikap buruk sebelumnya.

Sesuatu hukuman juga semestinya mempunyai *standard* atau fokus tertentu, dan biasanya ia didasarkan kepada:

- i- melibatkan unsur-unsur kesakitan, hilang kebebasan atau seumpamanya, yang lazimnya tidak disenangi oleh pesalah,
- ii- melibatkan unsur-unsur pertembungan antara kesalahan yang dilakukan dengan peraturan undang-undang yang sah,
- iii- pesalah adalah benar-benar bersalah dalam perbuatannya,
- iv- menghukum pesalah sebagai seorang manusia, bukan sebagai pesalah (tidak melampau), dan
- v- hukuman mestilah dikemukakan dan dijalankan oleh pihak berkuasa dalam undang-undang, di dalam sebarang kesalahan yang dilakukan.⁷

Dalam membincangkan persoalan konsep hukuman dan pemulihan pesalah, terdapat pandangan daripada sekumpulan pejuang kebajikan manusia yang menggelarkan diri mereka sebagai *humanitarian groups*, yang mendakwa bahawa seseorang boleh terjebak dalam kancah jenayah dan perbuatan-perbuatan jahat disebabkan adanya dorongan-dorongan dari luar. Sebagai contoh, persekitaran tempat tinggal yang tidak selesa yang mewujudkan tekanan dalam hidup, begitu juga cara penerimaan dan penolakan masyarakat terhadap mereka dan sebagainya lagi. Mereka ini biasanya memiliki tabiat atau kelakuan yang tidak normal. Kumpulan *humanitarian groups* ini juga berpandangan bahawa seseorang yang berkelakuan jahat dan melakukan kesalahan mesti dirawat sebagai pesakit yang harus disembuhkan, bukan sebagai pesalah yang semata-mata dicaci dan dihukum. Menghukum pesalah juga, menurut mereka, adalah salah dan lebih memburukkan suasana yang sudah sedia buruk. Oleh itu, apa yang lebih sesuai ialah memasukkan pesalah ke pusat-pusat pemulihan seperti di Sekolah Henry Gurney untuk pesalah juvenil, pusat-pusat rawatan dan pemulihan dadah untuk pesalah lainnya dan seumpamanya.⁸

Pandangan di atas seakan menafikan realiti bahawa ramai pesalah yang melakukan kesalahan kerana sifat kejam mereka dan tuduhan sewajarnya

(*blame worthiness*), bukan semata-mata disebabkan tekanan-tekanan luar atau mereka sendiri 'sakit'. Contohnya, ramai pesalah yang melakukan penipuan dan mencuri hak orang lain dengan niat menghalang empunya daripada memiliki harta mereka, bukan disebabkan pesalah itu lapar atau miskin.⁹

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa, hukuman dan pemulihan pesalah adalah bermatlamat untuk:

- i- menghukum pesalah atas kesalahan yang telah dilakukan terhadap orang lain (*retributive aim*),
- ii- menghalang sebarang kesalahan lain dilakukan, iaitu dengan merasai keperitan dalam proses hukuman yang dilalui (*preventive aim*),
- iii- menghalang individu lain daripada terlibat sama melakukan kesalahan (*deterrence aim*), dan
- iv- memberi pengajaran, memperbaiki dan memulihkan tabiat dan rohani pesalah yang dihukum (*reformative aim*).

3.2: Pertimbangan Dalam Menentukan Hukuman Terhadap Pesalah Juvenil Di Malaysia

Secara umumnya, hukuman bagi setiap kesalahan adalah bermaksud untuk mewujudkan pembalasan, pencegahan dan pemulihan bekas pesalah dan masyarakat awam. Namun begitu, pesalah di dalam sesuatu kesalahan tidak akan terus dikenakan hukuman oleh mahkamah, sebaliknya mahkamah akan merujuk latar belakang mereka terlebih dahulu, bagi memastikan keadilan dalam keputusan yang dibuat.

Bagi setiap kesalahan yang dilakukan, sama ada ianya bertentangan dengan Kanun Keseksaan atau mana-mana akta lain yang melibatkan pesalah juvenil, mahkamah biasanya akan merujuk kepada usia mereka. Sekiranya pesalah seorang yang berumur di bawah 10 tahun semasa kesalahan dilakukan, mereka tidak akan dikenakan sebarang bentuk hukuman, sebagaimana peruntukan di dalam seksyen 82, Kanun Keseksaan. Ini disebabkan pesalah tersebut dilindungi di bawah prinsip atau *maxim doli incapax*. Prinsip ini bermaksud kanak-kanak yang berumur di bawah 10 tahun disifatkan oleh undang-undang sebagai tidak berupaya untuk melakukan sebarang jenayah.¹⁰

Undang-undang menganggap kanak-kanak yang berusia di bawah 10 tahun tidak mampu memikul tanggungjawab jenayah. Oleh itu, perbuatan salah yang dilakukan, tidak dianggap suatu kesalahan di sisi undang-undang, dan mereka tidak boleh dikenakan hukuman¹¹, sebaliknya boleh dihantar ke pusat-pusat pemulihan akhlak yang boleh dianggap sebagai satu hukuman¹². Walau bagaimanapun, secara praktikalnya, hanya kanak-kanak atau juvenil yang telah berusia 14 tahun sahaja yang diterima masuk ke mana-mana pusat pemulihan akhlak dalam negara¹³.

Sekiranya pesalah telah berusia 10 tahun, tetapi belum mencapai usia 12 tahun, undang-undang menganggap mereka sebagai tidak bersalah, dengan syarat mereka belum tahu untuk menimbang keadaan dan akibat perbuatan yang dilakukan. Ini dilakukan, misalnya, dengan menyoal kanak-kanak tersebut sama ada dia sedar bahawa apa yang dilakukannya adalah salah.¹⁴ Selain daripada mengambil kira peruntukan-peruntukan di atas, perkara-perkara berikut juga dipertimbangkan sebelum sesuatu hukuman diputuskan, iaitu sejarah kelakuan seseorang pesalah juvenil, suasana di persekitaran rumah dan keluarga beliau, rekod persekolahan dan sejarah perubatannya.¹⁵

Kesimpulannya, aspek keadilan hukuman adalah sesuatu yang amat dijaga oleh undang-undang negara ini. Oleh itu, setiap mereka yang dituduh melakukan sesuatu kesalahan, tidak akan terus dikenakan hukuman, sebaliknya akan dibicarakan terlebih dahulu, dan segala faktor, termasuk latar belakang pesalah akan dikaji. Ini penting agar tidak berlaku kesilapan dalam menjatuhkan hukuman, seperti menghukum mereka yang tidak bersalah, atau mereka yang dipaksa melakukan kesalahan, dan seumpamanya.

3.3: Bentuk-bentuk Hukuman Ke Atas Pesalah Juvenil Di Malaysia

Secara umumnya, setiap juvenil yang disyaki terlibat dalam sesuatu kesalahan, akan ditangkap, dibicarakan di mahkamah, dan dikenakan penalti yang sewajarnya. Setiap prosedur yang melibatkan pesalah ini, lazimnya melibatkan peruntukan beberapa statut yang tertentu, terutamanya Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Kanun Keseksaan. Para hakim, dalam memutuskan sesuatu bentuk hukuman, akan dinasihati oleh dua orang penasihat. Ini bagi memastikan hukuman-hukuman yang diberi bersesuaian dengan tujuan dan matlamatnya, iaitu untuk memulihkan akhlak pesalah, mendidik dan membina

peribadi mereka dengan lebih baik, seperti peruntukan di bawah seksyen 4(3), Akta Mahkamah Juvana 1947.

Kajian ini akan meninjau bentuk-bentuk hukuman terhadap pesalah juvenil daripada tiga aspek, iaitu peruntukan yang terdapat di dalam Akta Mahkamah Juvana 1947, jenis-jenis hukuman yang biasa diputuskan oleh Mahkamah Juvana dan hukuman-hukuman yang dikhususkan kepada pesalah juvenil yang terlibat dalam jenayah.

3.3.1: Bentuk-bentuk Hukuman Menurut Akta Mahkamah Juvana 1947

Terdapat beberapa bentuk hukuman yang diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Juvana 1947 ke atas pesalah juvenil yang dibuktikan kesalahan mereka. Menurut peruntukan di dalam seksyen 12(1)(a), *'jika Mahkamah Juvana berpuas hati bahawa suatu kesalahan telah dibuktikan, maka sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa lain yang boleh dijalankan menurut Akta ini atau mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa, Mahkamah Juvana itu adalah berkuasa memberi amaran dan melepaskan pesalah itu'*. Biasanya keputusan memberi amaran dan melepaskan pesalah ini melibatkan

pesalah juvenil yang melakukan kesalahan-kesalahan kecil, seperti memandu tanpa lesen, atau ianya adalah kesalahan pertama¹⁶.

Selain daripada kuasa memberi amaran dan melepaskan pesalah, mahkamah juga boleh melepaskan pesalah dengan ikat jamin sepertimana peruntukan dalam seksyen 12(1)(b). Ia bermaksud, pesalah mesti mengemukakan satu bon sebagai jaminan untuk berkelakuan baik, dan mematuhi segala perintah yang ditetapkan mahkamah ke atas mereka dalam suatu jangkamasa tertentu (kebiasaannya ditetapkan selama enam bulan). Bon tersebut merupakan jaminan dalam bentuk sejumlah wang dalam jumlah yang tetap, yang biasanya akan dijelaskan oleh ibu bapa atau penjaga kepada mahkamah. Bon tersebut boleh diserahkan dengan penjamin atau tanpa penjamin, dan biasanya ibu bapa atau penjaga akan bertindak sebagai penjamin bagi juvenil tersebut. Sekiranya pesalah melakukan kesalahan semasa tempoh bon belum tamat, mereka akan dihadapkan ke mahkamah atas dakwaan pemecahan bon, juga untuk mendapatkan perintah selanjutnya ataupun hukuman untuk kesalahan yang terdahulu. Semua jumlah yang tercatat di dalam bon boleh dirampas, melainkan penjamin dapat memuaskan mahkamah bahawa mereka telah melakukan segala tindakan yang munasabah agar pesalah mematuhi perintah.¹⁷

Sekiranya pesalah seorang yang masih boleh dikawal, mahkamah boleh memerintahkan ibu bapa atau penjaga melakukan penjagaan dan pengawalan yang sewajarnya ke atas mereka. Mahkamah, dalam hal ini, masih memberi peluang kepada ibu bapa atau penjaga untuk memperbaiki tingkah laku juvenil di bawah jagaan mereka. Bagaimanapun, sebelum itu, satu bon juga mesti disempurnakan bagi menjamin mereka menjalankan tugas dengan sepatutnya. Sebaliknya, sekiranya mereka gagal menjalankan kewajipan tersebut, mahkamah boleh menarik balik keputusan hak penjagaan, dan mengenakan hukuman lain ke atas juvenil tersebut, seperti menahan mereka di asrama-asrama akhlak dan sebagainya. Di samping itu, bon-bon jaminan yang telah disempurnakan sebelumnya tidak akan dikembalikan¹⁸.

Bagi pesalah juvenil yang masih boleh dikawal, tetapi mahkamah berpendapat bahawa ibu bapa atau penjaga mereka tidak mampu untuk mendidik mereka dengan baik, mahkamah akan meletakkan juvenil tersebut di bawah penjagaan orang lain atau saudara yang layak¹⁹. Mahkamah juga boleh memerintahkan pesalah juvenil membayar denda, pampasan, atau kos bagi sesuatu perkara²⁰ (biasanya hanya melibatkan kesalahan-kesalahan trafik, dan ianya amat jarang dibuat), dan berkuasa memerintahkan ibu bapa atau penjaga menjelaskannya

bagi pihak atau sebagai ganti kepada juvenil tersebut.²¹ Sementara bagi juvenil yang tidak terkawal, dan mahkamah percaya bahawa ibu bapa atau penjaga tidak mampu mengawal mereka, akan diperintahkan ke mana-mana pusat pemulihan akhlak seperti Sekolah Tunas Bakti atau Sekolah Henry Gurney, mengikut kadar kesalahan yang dilakukan.²²

Mahkamah seterusnya berkuasa membuat satu perintah yang lain daripada perintah-perintah yang telah dinyatakan di atas, ataupun membuat satu perintah percubaan (biasanya berkuatkuasa untuk tempoh tidak kurang dari satu tahun dan tidak lebih dari tiga tahun, seperti yang ditentukan oleh mahkamah) di bawah seksyen 21, Akta Mahkamah Juvana 1947, sebagai tambahan kepada perintah di bawah seksyen 12 (1) (c) dan seksyen 12 (1) (d) Akta Mahkamah Juvana 1947 (iaitu perintah meletakkan juvenil di bawah peliharaan saudara mereka atau orang lain yang layak, atau di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga dengan syarat penyempurnaan bon)²³. Dalam seksyen 21(1), Akta Mahkamah Juvana 1947 ada dijelaskan tentang kuasa mahkamah dalam menggantikan hukuman ke atas juvenil kepada perintah cubaan. Perintah ini bermaksud, seseorang juvenil yang didapati bersalah di dalam kesalahan selain homisid, dan dia berkelayakan untuk menjalani perintah percubaan, boleh dikenakan perintah ini, dengan syarat dia akan

mematuhi segala peraturan yang telah ditetapkan oleh mahkamah. Ini bertujuan mengelakkan juvenil tersebut mengulangi kesalahannya. Sekiranya mereka ingkar atau melakukan kesalahan lain sewaktu dalam tempoh percubaan, mahkamah berhak membicarakan semula kesalahan asalnya bersama dengan kesalahan barunya, dan dia boleh dikenakan hukuman lain yang lebih setimpal. Bagi pesalah yang telah berusia 14 tahun dan di bawah 18 tahun, persetujuan mereka hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum perintah percubaan dijalankan.²⁴

Seseorang pesalah juvenil juga boleh dikenakan hukuman penjara di dalam kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum penjara. Keputusan ini boleh dikenakan oleh mahkamah sesyen ke atas pesalah juvenil tersebut, atau mahkamah akan menyerahkan pesalah kepada Mahkamah Tinggi untuk dihukum, sekiranya dirasakan kuasa-kuasa yang ada padanya tidak memadai. Walau bagaimanapun, hukuman penjara ini adalah tertakluk kepada seksyen 15(2), Akta Mahkamah Juvana 1947, iaitu bagi kes-kes yang agak berat dan merbahaya seperti memiliki senjata api, yang tidak dapat dihukum dengan percubaan, denda atau menahan mereka di pusat-pusat tahanan yang diluluskan, di Sekolah Henry Gurney atau sebagainya.²⁵

Seseorang pesalah juvenil yang berusia di bawah 14 tahun tidak boleh dihukum penjara. Mereka juga tidak boleh dipenjarakan kerana gagal membayar denda, gantirugi atau kos. Sekiranya tidak ada hukuman lain selain penjara, mereka hendaklah diasingkan daripada orang-orang dewasa serta tidak dibenarkan bergaul dengan mereka²⁶. Tujuannya ialah untuk mengelakkan pengaruh tidak baik banduan dewasa ke atas mereka.

Seseorang pesalah juvenil atau pesalah yang melakukan kesalahan sewaktu usia juvenil tidak boleh dijatuhkan hukuman mati oleh mahkamah. Sebagai ganti, mahkamah boleh menahan mereka selama tempoh yang diperkenankan oleh Yang Di Pertuan Agung (iaitu bagi kesalahan yang dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan), atau Pihak Berkuasa Negeri (iaitu bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam negeri-negeri di Malaysia). Penahanan tersebut hendaklah dibuat di mana-mana tempat mengikut persetujuan pihak-pihak berkuasa tadi.²⁷ Demikian juga dalam menghukum seseorang pesalah juvenil, perkataan-perkataan '*sabit*' dan '*hukuman*' tidak boleh digunakan, sebaliknya hendaklah diganti dengan perkataan '*suatu dapatan bersalah*' atau '*didapati bersalah*', mengikut mana yang berkenaan.²⁸

Sekiranya pesalah juvenil atau ibu bapa atau penjaga mereka tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah, mereka boleh mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi. Perkara ini selaras dengan peruntukan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947, dalam seksyen 14(1) dan (2) yang menamakannya sebagai 'rayuan juvana' (*juvenile appeal*), dan dibaca bersama-sama seksyen 5 dan seksyen 5A, akta yang sama²⁹.

3.3.2: Bentuk-bentuk Hukuman Yang Pernah Diputuskan Oleh Mahkamah

Terdapat beberapa bentuk hukuman yang pernah diputuskan oleh mahkamah ke atas pesalah-pesalah juvenil di Malaysia. Ianya dapat dilihat di dalam rekod-rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Menurut perangkaan tahun 1993-1997³⁰, terdapat 9 bentuk hukuman yang pernah diputuskan oleh mahkamah ke atas pesalah juvenil di negara ini:

Jadual 6: Bentuk-bentuk Hukuman Yang Diputuskan Di Mahkamah Dan Jumlah Pesalah Juvenil Yang Terlibat Dari Tahun 1993-1997

Jenis Hukuman	1997	1996	1995	1994	1993
1. Diberi amaran dan dibebaskan	322	261	310	526	259
2.. Ikat jamin tanpa seliaan	1,639	1,523	1,548	1,610	1,682
3.Ikat jamin dengan seliaan	396	379	299	356	364
4. Cubaan akhlak*	105	133	176	283	360
5. Sekolah akhlak	392	449	388	448	483
6. Sekolah Henry Gurney	301	268	302	307	305
7. Denda /pampasan /bayaran	603	523	453	534	407
8. Penjara	380	324	298	374	389
9. Lain-lain	452	351	238	603	77
Jumlah	4,590	4,211	4,012	5,041	4,326

*(dibebaskan dengan bersyarat untuk suatu tempoh masa tertentu, khususnya setelah menjalani hukuman di rumah tahansentara atau sekolah akhlak atau Sekolah Henry Gurney.)

Sumber: JKMM

Berdasarkan aspek hukuman, didapati '*ikat jamin tanpa seliaan*' paling banyak diputuskan sepanjang 5 tahun tersebut, iaitu melibatkan 8,002 orang pesalah. Hukuman berupa '*denda/ pampasan/ bayaran*' pula adalah kedua paling banyak, dengan melibatkan 2,520 orang pesalah. Manakala '*cubaan akhlak*' merupakan bentuk hukuman yang paling sedikit diputuskan dalam tempoh tersebut, yang hanya melibatkan 1,057 orang pesalah.

Hukuman '*diberi amaran dan dibebaskan*' paling banyak diputuskan pada tahun 1994, iaitu 526 orang, dan paling sedikit diputuskan pada tahun 1993, iaitu 259 orang. Hukuman '*ikat jamin tanpa seliaan*' paling banyak diputuskan pada tahun 1993, iaitu 1,682 orang, dan paling sedikit diputuskan pada tahun 1996, iaitu 1,523 orang. Hukuman '*ikat jamin dengan seliaan*' pula banyak sekali diputuskan pada tahun 1997, iaitu 396 orang, dan paling sedikit diputuskan pada tahun 1995, iaitu 299 orang. Manakala hukuman '*cubaan akhlak*' banyak sekali diputuskan pada tahun 1993, iaitu 360 orang, dan sedikit sekali tahun 1997, iaitu 105 orang. Hukuman '*sekolah akhlak*' banyak sekali pada tahun 1993, iaitu 483 orang, dan sedikit sekali tahun 1995, iaitu 388 orang. Hukuman memasukkan pesalah ke '*Sekolah Henry Gurney*' banyak sekali pada tahun 1994, iaitu 307 orang, dan sedikit sekali tahun 1996, iaitu 268 orang. '*Denda, pampasan atau bayaran*' pula banyak diputuskan pada tahun 1997, iaitu 603 orang, dan sedikit sekali tahun 1993, iaitu 407 orang. '*Penjara*' pula paling banyak pada tahun 1993, iaitu 389 orang, dan paling sedikit tahun 1995, iaitu 298 orang. Bentuk hukuman selain daripada yang tersebut di atas adalah paling banyak diputuskan tahun 1994, iaitu 603 orang, dan paling sedikit tahun 1993, iaitu 77 orang.

Manakala hukuman-hukuman yang berbentuk cubaan akhlak, sekolah akhlak, Sekolah Henry Gurney dan penjara pula, biasanya melibatkan pesalah yang melakukan jenayah, terlibat dalam masalah dadah, pelacuran dan seumpamanya. Hukuman cubaan akhlak juga dikenakan ke atas bekas pesalah yang telah tamat tempoh pemulihan mereka di mana-mana pusat pemulihan akhlak dalam negara. Ia adalah suatu proses pemantauan yang dijalankan dalam tempoh tertentu, dan hanya melibatkan bekas pesalah yang belum berusia 21 tahun.³¹

Hukuman-hukuman yang berbentuk amaran, ikat jamin, denda dan lain-lainnya, biasanya diperuntukkan kepada pesalah yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan kecil seperti:³²

1. kesalahan lalu lintas, kesalahan mencuri dalam jumlah yang kecil dan seumpamanya,
2. kesalahan yang pertama kali dilakukan, kecuali yang berbentuk serius dan membahayakan, seperti merompak dengan senjata api, dan
3. pesalah yang dipercayai masih boleh dikawal oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

Keputusan '*lain-lainnya*' bermaksud, sama ada seseorang juvenil dibuang kes kerana meninggal dunia, atau lain-lainnya seperti diberi amaran dan denda, dihantar balik ke negeri asal, berada di bawah seliaan polis, tidak dapat dikesan, dirotan dan dibuang dari negeri asal, atau dirujuk kepada imigresen.³³

Pada tahun 1993-1997, hukuman '*ikat jamin tanpa seliaan*' paling banyak diputuskan oleh mahkamah ke atas pesalah juvenil lelaki. Ia juga banyak diputuskan ke atas pesalah juvenil perempuan dari tahun 1993 dan 1995-1997, kecuali tahun 1994, yang banyak melibatkan keputusan '*diberi amaran dan dibebaskan*'. Keputusan paling sedikit diputuskan ke atas pesalah lelaki dan perempuan ialah '*lain-lain*', iaitu pada tahun 1993. '*Cubaan akhlak*' paling sedikit diputuskan ke atas pesalah lelaki pada tahun 1994-1997. Manakala keputusan paling sedikit ke atas pesalah perempuan ialah '*Sekolah Henry Gurney*', iaitu tahun 1994, '*lain-lain*' pada tahun 1995, '*cubaan akhlak*' pada tahun 1996 dan 1997, dan '*ikat jamin dengan seliaan*', juga pada tahun 1997.

Tahun 1993-1997 mencatatkan hukuman '*ikat jamin tanpa seliaan*' banyak diputuskan ke atas pesalah daripada bangsa Melayu, Cina, India dan lain-lainnya. Hukuman paling sedikit diputuskan ke atas juvenil Melayu ialah '*lain-lain*' pada tahun 1993-1995, dan '*cubaan akhlak*' pada tahun 1996-1997.

Hukuman paling sedikit yang melibatkan juvenil Cina ialah '*lain-lain*' pada tahun 1993-1995, dan '*cubaan akhlak*' pada tahun 1996-1997. Manakala hukuman paling sedikit bagi juvenil India ialah '*lain-lain*' pada tahun 1993-1994, dan '*cubaan akhlak*' pada tahun 1995-1997. Juvenil bangsa lain pula menerima hukuman paling sedikit pada tahun 1993-1997 dalam bentuk '*cubaan akhlak*'.

Sebagai kesimpulannya, pesalah juvenil yang dibicarakan di mahkamah terbahagi kepada pesalah yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan berbentuk moral, dilakukan pada kali pertama atau kesalahan kecil, dan bilangan mereka adalah dominan, dan pesalah yang terlibat dalam kesalahan jenayah dan kesalahan moral yang serius seperti dadah dan pelacuran, yang sedikit bilangannya. Oleh itu, pesalah yang dikenakan hukuman yang berbentuk ringan, seperti ikat jamin dengan seliaan atau tanpa seliaan dan seumpamanya, lebih ramai daripada mereka yang dikenakan hukuman penjara, kemasukan ke sekolah akhlak, Sekolah Henry Gurney dan seumpamanya. Bagaimanapun, jumlah kecil pesalah juvenil yang terlibat dalam jenayah tidak boleh dianggap ringan. Ini kerana, penglibatan mereka dalam masalah sosial dan kesalahan-kesalahan kecil boleh menular kepada masalah yang lebih besar, terutamanya jika tidak dibendung dari awal. Sebagai contoh, pesalah yang terlibat dalam

masalah dadah, berpotensi terlibat dalam kesalahan mencuri atau membunuh bagi mendapatkan bekalan dadah yang dikehendaki, dan sebagainya lagi.

3.3.3: Bentuk-bentuk Hukuman Ke Atas Pesalah Jenayah Di Kalangan

Juvenil

Bentuk-bentuk hukuman seperti yang dinyatakan sebelum ini tidak kesemuanya dikhususkan untuk pesalah juvenil yang terlibat dalam kesalahan jenayah. Setiap juvenil yang melakukan sebarang kesalahan kecil serta pertama kali, walaupun kesalahan jenayah, tidak akan terus dihukum oleh mahkamah. Mereka lazimnya akan diberi nasihat terlebih dahulu, kemudian diberi amaran dan dibebaskan. Namun bagi pesalah yang telah berulang kali melakukan jenayah, atau mereka terlibat dalam kesalahan jenayah yang serius, akan ditentukan bentuk hukuman dan pemulihan yang sewajarnya ke atas mereka oleh mahkamah³⁴.

Antara bentuk hukuman yang dikhususkan ke atas pesalah juvenil yang melakukan kesalahan jenayah ialah memasukkan mereka ke mana-mana institusi pemulihan akhlak dalam negara, seperti ke asrama akhlak atau rumah

tahansentara, sekolah-sekolah yang diluluskan (dikenali sebagai Sekolah Tunas Bakti) atau Sekolah Henry Gurney³⁵.

Selain daripada memerintahkan pesalah juvenil memasuki mana-mana pusat pemulihan akhlak dalam negara, mahkamah juga boleh memerintahkan mereka dihukum penjara. Bagaimanapun, hukuman ini merupakan pilihan mahkamah yang terakhir, terutamanya apabila perintah lain tidak sesuai dilaksanakan. Sebagai contoh, dalam kes pesalah juvenil yang terlibat dalam jenayah rompakan bersenjata api dan dituduh memiliki senjata api berbahaya, mahkamah berpendapat kemasukan mereka ke mana-mana institusi pemulihan akhlak boleh menimbulkan pengaruh tidak sihat ke atas penghuni lain dan seumpamanya. Sebagai langkah penyelesaian, mahkamah akan menempatkan pesalah tersebut di suatu penjara yang diasingkan daripada banduan-banduan dewasa.³⁶

Terdapat juga bentuk hukuman 'cubaan akhlak', iaitu satu perintah yang lazimnya dikenakan ke atas bekas pesalah yang telah tamat tempoh tahanan di mana-mana institusi pemulihan akhlak. Tempoh hukuman biasanya di antara 1 tahun sehingga 3 tahun. Semasa tempoh ini, bekas pesalah tersebut akan

diletakkan di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak yang bertanggungjawab untuk memantau dan mengawasi kelakuan mereka³⁷.

3.4: Kesimpulan

Pada dasarnya, hukuman dan pemulihan akhlak ke atas setiap pesalah, sama ada juvenil atau dewasa, adalah bertujuan untuk menghukum mereka atas kesalahan yang telah dilakukan, dan pada masa yang sama bertindak mencegah kesalahan lain dilakukan, iaitu setelah bekas pesalah merasa serik dengan kehidupan yang dilalui di pusat-pusat pemulihan. Namun hukuman ke atas setiap pesalah juvenil lebih berkonsep pemulihan akhlak daripada semata-mata untuk menghukum mereka. Ini disebabkan sifat juvenil yang masih belum matang dan di bawah umur. Hukuman dan pemulihan yang dijalani setiap bekas pesalah juvenil juga akan dapat menjadi iktibar kepada individu lain agar tidak melakukan kesalahan yang serupa, di samping dapat memberi pengajaran, mendidik dan mengubah jasmani dan rohani pelatih dan bekas pelatih.

Setiap pesalah juvenil akan dinilai terlebih dahulu oleh mahkamah dan akan dimasukkan ke Sekolah Tunas Bakti sekiranya kesalahan yang dilakukan berkaitan dengan moral dan jenayah yang kecil seperti menagih dadah dan mencuri. Pesalah juvenil yang dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney pula lebih diutamakan kepada mereka yang melakukan kesalahan moral dan jenayah yang lebih serius seperti mengedar dadah, merompak, mencuri dan membunuh. Bagaimanapun, hukuman penjara tidak akan dikenakan ke atas pesalah juvenil, kecuali mahkamah mendapati tidak ada hukuman lain yang lebih sesuai untuknya, seperti dalam kes yang boleh memudaratkan pelatih lain sekiranya pesalah tersebut hanya dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan akhlak seperti pesalah juvenil kebiasaannya.

Nota Hujung

-
- ¹ Card, Richard (1998), *Criminal Law*; London: Butterworth, m.s.3.
- ² Reid, Sue Titus (1998), *Criminal Law*; USA: Mc Graw-Hill, m.s.11.
- ³ *ibid.*
- ⁴ *ibid.*, m.s.12.
- ⁵ *ibid.*, m.s.11-12.
- ⁶ *ibid.*, m.s. 12; Williams, C R (1983), *Criminal Law:Text and Cases*; Sydney:Butterworths, m.s.15.
- ⁷ *ibid.*, m.s.3; Fitzgerald, P J (1962), *Criminal Law and Punishment*; Oxford: The Clarendon Press, m.s. 199-200.
- ⁸ Hashim bin Mehat (1991), *Malaysian Law & Islamic Law on Sentencing*; Kuala Lumpur:International Law Book Services, m.s.10.
- ⁹ *ibid.*
- ¹⁰ Smith, J C (1999), *Smith & Hogan-Criminal Law*; London: Butterworths, m.s.191; *Kamus Undang-undang* (1995), Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., m.s.184.
- ¹¹ Curzon, L.B (1984), *Criminal Law*; Plymouth: Macdonald & Evans Ltd, m.s.60.
- ¹² Smith & Hogan (1996), *Undang-undang Jenayah-Bahagian 1: Prinsip Umum*; (Terjemahan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s.265.
- ¹³ Temubual dengan Timbalan Pengetua Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur, Encik Shahrani Yusuf pada 11.3.1999; Temubual dengan *Senior Assistant Commissioner II* (SAC II) Tuan Hashim Sharat, Bahagian Siasatan Jenayah, Bukit Aman, pada hari Rabu, 10.5.2000; lihat bersama seksyen 27, Akta Mahkamah Juvana 1947.
- ¹⁴ Lihat seksyen 83, Kanun Keseksaan; lihat juga Snyman, C R (1989), *Criminal Law*; Durban: Butterworths, m.s.169.

¹⁵ Abdul Aziz Hussin, (1995), **Memperkenalkan Undang-undang**; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, m.s.31; temubual dengan Timbalan Pengetua Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur, Encik Shahrani Yusuf.

¹⁶ Temubual dengan Encik Peter Rogers dan Puan Jamilah, Penasihat Mahkamah Juvana, Rabu, 17.3.1999, jam 9.30-12.00 tengahari.

¹⁷ Temubual dengan SAC II Tuan Hashim Sharat; Rujuk bersama seksyen 12(1) (b), Akta Mahkamah Juvana 1947.

¹⁸ *ibid*, seksyen 12 (1) (d).

¹⁹ *ibid*, seksyen 12 (1) (c).

²⁰ *ibid*, seksyen 12 (1) (g).

²¹ *ibid*, seksyen 13.

²² *ibid*, seksyen 37 dan 12 (1) (f).

²³ *ibid*, seksyen 12 (1) (e).

²⁴ *ibid*, seksyen 2 dan 21 (1).

²⁵ *ibid*, seksyen 15(2); temubual dengan SAC II Tuan Hashim Sharat.

²⁶ *ibid*, seksyen 15(1) &(3).

²⁷ *ibid*, seksyen 16.

²⁸ *ibid*, seksyen 12(3).

²⁹ seksyen 5 menjelaskan tentang tempat bersidang dan orang-orang yang dibenarkan menghadirinya, manakala seksyen 5A memperuntukkan sekatan ke atas akhbar-akhbar dari melaporkan sesuatu prosiding di mahkamah juvana yang dikira boleh membawa pengenalan kepada juvenil yang dibicarakan tersebut; lihat seksyen 14, seksyen 5 dan seksyen 5A, Akta Mahkamah Juvana 1947.

³⁰ Data-data terkini belum diperolehi kerana pada masa kajian ini dibuat, ianya masih belum dikemaskinikan.

³¹ *ibid*.

³² Sumber dari JKMM.

³³ *ibid.*

³⁴ Temubual dengan Encik Peter Rogers dan Puan Jamilah, Penasihat Mahkamah Juvana.

³⁵ Lihat keterangan lanjut di dalam bab keempat.

³⁶ Temubual dengan SAC II Tuan Hashim Sharat; lihat seksyen 15(3), Akta Mahkamah Juvana 1947.

³⁷ *ibid.*, seksyen 21.